

BULETIN TSHO

INSTUN, BEHRANG ULU, TANJUNG MALIM PERAK



Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO)


PENULIS : SR ZAKARIA BIN ABDULLAH

Rekabentuk TSHO, INSTUN terdiri daripada satu bangunan dua tingkat dengan dilengkapi tiga lokasi cerapan objek langit iaitu *dome*, *roll off roof* dan dataran cerapan. Konsep rekabentuk balai cerap ini adalah diinspirasikan daripada Scottish Dark Sky Observatory yang terletak di Scotland.

TSHO telah dibina di atas tapak seluas 9621.69m² dengan keluasan bangunan adalah 840.31m². TSHO telah siap sepenuhnya pada 5 Julai 2023 dan telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan pada 3 Oktober 2023.



Lawatan UTM, Skudai Johor Bahru diketuai pensyarah Prof. Dr Maryanti binti Mohd Raid dan pelajar-pelajar daripada Fakulti Alam Bina dan Ukur bergambar bersama Encik Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN serta Unit Astronomi, BUP.



Tompok matahari yang telah dirakamkan oleh Sdr Shahrin Ahmad pada 6 Sep 2017

Tompok Matahari (*Sunspot*)

Tompok matahari merupakan fenomena sementara pada **fotosfera** matahari yang kelihatan sebagai tompokan gelap berbanding dengan kawasan sekitarnya. Ia mempunyai medan magnet kuat dan menyebabkan tekanan atmosfera di sekitarnya menurun. Oleh itu, suhunya adalah lebih rendah (sejuk) berbanding dengan persekitarannya kerana medan magnet ini telah menghalang pengaliran gas panas ke permukaan Matahari. Secara ringkasnya, peningkatan bilangan tompok Matahari sering berkait rapat dengan kejadian kitaran Matahari maksimum yang berlaku setiap 11 tahun di mana aktiviti Matahari seperti hamburan jisim korona (*Coronal Mass Ejection*, CME) dan **suar suria** turut meningkat.

Sumber rujukan:
<https://www.mysa.gov.my/teleskop-mysa-24/>



Cerapan Matahari di TSHO telah dicerap oleh En. Yazir bin Sardi dan Jururakam Matahari oleh En. Mohd A'bduh bin Jailani. Pada masa cerapan dijalankan, tompok matahari tidak kelihatan. Cerapan telah dijalankan pada 29 Januari 2024.

UNIT ASTRONOMI,
BAHAGIAN UKUR
DAN PEMETAAN
INSTUN